



[www.unimas.my](http://www.unimas.my)

# Persada

Peneraju Masa Depan Gemilang

ISSN : 1675 - 2651

Bil. 10. Januari-Mac 2004



CIPTA' 04

# Wacana Editor

## Unimas terus cemerlang

Unimas telah mengekalkan kecemerlangan apabila mencatat kejayaan demi kejayaan yang meletakkan namanya terus unggul sebagai sebuah universiti yang terkemuka di Malaysia. Malam Kecemerlangan Unimas, 26 Mac yang lalu, mencatat sejarah apabila seramai 22 orang staf akademik telah bergraduat dalam kohort pertama Program Diploma Pasca-Siswazah (Pengajaran dan Pembelajaran). Program yang bermula April hingga September 2003 ini bertujuan menyahut cabaran pendidikan abad ke-21. Ini merupakan satu usaha Unimas untuk memastikan tahap kualiti yang tinggi dalam sistem pengajaran dan pembelajaran di universiti ini.

Selain itu, Unimas juga telah dianugerahkan sijil MS ISO 9001:2000. Sebelum ini Unimas telah memperolehi MS ISO 9002:1994. Sijil menaik taraf ini merupakan satu kejayaan yang amat bermakna buat Unimas dan warganya. Penganugerahan sijil ini telah meletakkan Unimas antara universiti di Malaysia yang dinaik taraf ke versi 2000 oleh pihak SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

Unimas telah meneruskan kecemerlangan apabila mendapat pengiktirafan status Multimedia Super Corridor (MSC). Pengiktirafan ini diperolehi hasil daripada usaha Unimas menerusi program pembelajaran dan latihan yang strategik dalam melahirkan tenaga kerja yang berkualiti serta mempunyai kemahiran dan ilmu yang tinggi. Pengiktirafan ini diberi kepada Unimas kerana telah berjaya memainkan peranan dalam pembangunan sumber manusia dalam membantu menjayakan MSC.

Kejayaan demi kejayaan yang dicapai oleh Unimas termasuk anugerah Perdana Teknologi Maklumat melalui projek e-Bario telah menunjukkan kesungguhan dan keupayaan Unimas dalam usahanya untuk menjadi antara Universiti yang cemerlang, gemilang dan unggul di rantau ini.

Syabas Unimas !!!

## Mutiara Kata

"Waktu umpama pisau yang bermata dua, jika bijak digunakan banyak pekerjaan yang dapat diselesaikan dengan segera, tetapi jika cuai, tangan sendiri yang akan terluka."

At- Tarmizi

"Akal fikiran umpama sebuah payung terjun, hanya berfungsi apabila dibuka."

"Great minds discuss ideas. Average minds discuss events. Small minds discuss people."



### Hiaskan gambar kulit

Hasil usaha Feroza Ahmad Faiz pelajar tahun akhir FSGK, Unimas tentang bagaimana kromo terapi memberi kesan kepada kanak-kanak berpenyakit melalui aplikasinya sebagai hiasan dalaman di wad pediatrik. Hasil kajian menunjukkan warna, konsep dan rekaan seumpama ini dapat memberi kesan kepada proses terapi.



Peneraju Masa Depan Gemilang  
**Persada**

ISSN : 1675 - 2681

Bil. 10, Jan-Mac, 2004

### EDITORIAL

#### Penasihat

Prof. Datuk Yusuf Hadi  
yusuf@cans.unimas.my

Prof. Khairuddin Ab Hamid  
khair@cans.unimas.my

Prof. Abdul Rashid Abdullah  
ara@cans.unimas.my

Prof. Sulaiman Hanapi  
sulaiman@cans.unimas.my

Prof. Hamsawi Sani  
awi@cans.unimas.my

#### Sidang Editor

Zulkarnain Kipli

kzulkarnain@cans.unimas.my

Noorma Ismail Yusuf

inoorma@cans.unimas.my

Norinda Krang Su'ut

snorinda@cans.unimas.my

#### Pembaca Prof

Rohaida Mohamad

mrohaida@cans.unimas.my

Bujang Ahim

abujang@cans.unimas.my

#### Jurufoto

Haimey Abdul Razak

arhaimey@cans.unimas.my

#### Sumbangan

Ezalman Tambi Lee

Pusat Pemajuan Pelajar

En. Shamsu Mohammad

Puan Nur Afifah Vanitha Abdullah

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

Unit Sukan, PPP

Bahagian Canselori

#### Edaran

Unit Penerbitan Unimas

#### Penerbit

Unit Penerbitan

Bahagian Canselori

Universiti Malaysia Sarawak

94300 Kota Samarahan, Sarawak

Tel: 082-671000

Faks : 082-672411

**Persada** diterbitkan tiga bulan sekali sebagai wadah terkini warga kampus. Kami di Unit Penerbitan mengalu-alukan sumbangan daripada para pembaca terutama sekali warga Unimas untuk dimuatkan di dalam **Persada**. Sumbangan bolehlah dalam bentuk artikel, rencana, kertas kerja, cerpen, syair, berita semasa dan sebagainya. Setiap sumbangan boleh dialamatkan terus kepada Unit Penerbitan Unimas.

# Utilize resources to produce quality product

by Norinda K. Su'ut

Cetusan Inspirasi Pelajar Tahun Akhir (CIPTA) is an annual showcase of the products of the final year graduating student project from the Faculty of Applied and Creative Arts (FACA), Unimas. The theme for this year "Local content, universal perspectives" which emphasizes on the importance of local knowledge especially in arts and cultural diversity to form a unique identity in the global context. This showcase is a core activity of the faculty to expose students to the hand-on experience of organizing and managing events and as the art of communicating with the public.

YB Dato Sri Abang Haji Abdul Rahman Zohari Tun Abang Haji Openg at the launching of CIPTA 2004 at Sarawak Tourism Complex



*Kennedy Benedict with his Industrial Design*

(Old Court House) said, "Unimas should utilize its resources and brainpower to produce high quality works and designs through its faculty".

He added, "We should make full use of all the logistics that have been provided by the government to promote and expose our products to the Western market".

Earlier, Dean of FACA, Associate Professor Ahmad Khiri Mohd Zain in his speech pointed out that it is very important for the faculty to be re-strategies its positioning with the ever changing demands in fast-advancing world yet highly competitive environment today. He said although research is the key asset to generate innovation that drive to

new ideas and concepts which the industry needs, the faculty cannot be an isolated body but have to welcome collaborations and have a smart partnership with other organization and industries.

Meanwhile, the chairman of CIPTA 2004, Sylvester Wielding Jussem said that this project provides the space and opportunity for works from the faculty be exhibited and a platform for better reception in the marketplace for people with multiple points of views and competencies.

Also present at the launching were Vice Chancellor, Professor Datuk Yusuf Hadi and Deputy Vice Chancellor, Professor Khairuddin Ab Hamid.



*Achievement of Tun Mahathir-Lulu Liew Fa Kiun*



*"My personal experience through an array of organic clay forms -Wan Alek Wan Hamidi, Fine Art Programme".*

# JOMELAH-*Nilai pengorbanan wanita*

*oleh Norinda K. Su'ut*



*Satu adegan dalam persembahan JOMELAH.*

Menghayati dan memahami pahit jerih pengorbanan mereka yang telah memperjuangkan kemerdekaan negara kita merupakan mesej penting yang ingin diketengahkan oleh pengarahnya, Nur Afifah Vanitha Abdullah melalui JOMELAH. Skrip yang diadaptasi daripada Joget Jomelah karya Awangku Merali Pengiran Mohamed ini mengisahkan seorang wanita Melayu yang memperjuangkan kemerdekaan Sarawak sekitar tahun 1959. Jomelah yang bersemangat nasionalisme telah menubuhkan sebuah kumpulan joget dan mengadakan persembahan di merata tempat di Sarawak sambil menyemarakkan semangat kemerdekaan di kalangan penduduk tempatan.

Harapan Afifah terhadap



*Sedih, saat perpisahan Jomelah dengan tunangnya, Deli.*

pementasan ini adalah agar audiennya dapat menghayati dan menghargai kemerdekaan setiap kali menjelang 31 Ogos.

“Perkara yang menarik dalam pementasan ini ialah 50 peratus daripada pengucapan dialognya dalam bahasa Sarawak. Namun pelakon utamanya pula merupakan pelajar yang berasal dari Sabah iaitu Velliah Perdes Nelson.”

Tambahnya lagi, biarpun skrip asalnya menggunakan bahasa Melayu standard tetapi memandangkan cerita ini berlatar belakangkan budaya Sarawak, penggunaan bahasa Melayu Sarawak difikirkan amat sesuai. Secara tidak langsung penggunaan bahasa Melayu Sarawak dalam JOMELAH akan memberi kesan yang lebih mendalam terhadap penonton. Teknik imbas kembali telah digunakan untuk menjadikan permentasan ini lebih menarik iaitu berkisar dua zaman yang berbeza. JOMELAH menampilkan tiga watak utama iaitu Jomelah, Deli dan Soleman.

Krew produksi yang menjayakan pementasan ini terdiri daripada pelajar-pelajar tahun akhir, Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Unimas yang mengurus dan mengendalikan pementasan.

Pelajar sekolah merupakan antara sasaran utama teater ini

diadakan. Pelajar sekolah diajak untuk merasai dan menghargai nilai kemerdekaan menerusi teater kerana ia boleh dijadikan sebagai saluran dalam mendidik masyarakat. Selain daripada mempromosikan pengajian ini, ia juga bertujuan untuk menyedarkan masyarakat bahawa bidang ini mempunyai masa depan yang cerah untuk diceburi.

Pementasan ini telah diadakan di Panggung Eksperimen Unimas pada 12 dan 13 Februari 2004 dan di Maktab Perguruan Batu Lintang, Kuching pada 16 Februari 2004.

Pementasan selama setengah jam di Dewan Tun Ahmad Zaidi Adruce, Maktab Perguruan Batu Lintang telah disaksikan oleh tetamu kehormat, YAB Ketua Menteri Sarawak, Pehin Sri Dr. Haji Abdul Taib Mahmud. Turut menyaksikan teater tersebut ialah Menteri Pembangunan Sosial dan Urbanisasi, YB Dato Sri Dr. James Jemut Masing, Pengarah Pendidikan Sarawak, Dr. Adi Badiozaman, Naib Canselor Unimas, Prof. Khairuddin Ab. Hamid dan tetamu kehormat yang lain.

Selain dipentaskan di Kota Samarahan dan Kuching, teater ini juga akan dipentaskan di Miri dan Kuala Lumpur. Miri dipilih kerana penulis asal skrip teater ini berasal dari Miri. Beliau mahu agar masyarakat di Miri juga dapat menyaksikan teater ini.



*Pengarah teater JOMELAH- Puan Nur Afifah Vanitha Abdullah.*

# Epigoni 7, hasil kreatif pelajar

Buat julung kalinya pameran Keramik Kontemporari yang bertemakan Epigoni 7 diadakan di luar Unimas. Epigoni membawa maksud pewaris dan penerus perjuangan seni manakala angka 7 merujuk kepada tujuh orang pengkarya yang mengambil bahagian dalam pameran yang diadakan di Waterfront, Kuching pada 13 dan 14 Mac 2004.

Menurut Encik Shamsu Mohamad, Ketua Program Seni Halus, Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif (FSGK), pelajar diberikan kebebasan memilih teknik dan topik untuk menghasilkan produk seramik tersebut. Idea karya pelajar kebanyakannya bermotifkan alam semulajadi dan berkait rapat dengan motif-motif Sarawak seperti Burung Kenyalang, Buah Engkabang dan Buah Pedada. Motif-motif ini diadaptasi dengan menggunakan teknik *press mold*, *throwing*, *slabing*, dan *pinching*. Jelasnya lagi, unsur warna, bentuk dan teksura turut dieksplorasi dalam penghasilan ini.

Pameran ini bertujuan untuk mendedahkan dan menggalakkan pelajar menghasilkan karya seramik kontemporari yang kreatif, mengetengahkan elemen tempatan untuk digabungkan dalam menghasilkan seramik kontemporari, memberi peluang kepada pelajar mengetengahkan idea kreatif disamping mendapat maklum balas daripada khalayak. Selain itu pameran ini juga bertujuan untuk mempromosikan Program Seni Halus (Seramik) yang ditawarkan oleh FSGK, Unimas disamping memberi pendedahan kepada pelajar berkaitan dengan aspek pengurusan dan pengendalian sesuatu pameran.

Epigoni 7 telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada pelancong asing, pelancong tempatan, pelajar dan masyarakat setempat. Pelancong asing tertarik dengan penggunaan motif tempatan yang digunakan untuk menghasilkan bentuk seramik yang kreatif. Kebanyakan khalayak tempatan mempunyai tanggapan yang berbeza



*Motif Nyiur, hasil karya Wan Badhi.*



*Bentuk Buah Engkabang  
hasil karya Prake Anak Dirop.*

tentang bahan dan warna yang digunakan, ada yang menyangkakan kayu, batu dan simen. Warna pula disangkakan cat. Namun pelajar telah membetulkan persepsi para pengunjung. Seramik atau tembikar telah sinonim dengan masyarakat kita iaitu semata-mata merujuk kepada pasu dan produk kraf. Mereka tidak arif tentang seramik kreatif berbentuk arca. Pameran ini merupakan satu landasan yang baik untuk pelajar berinteraksi dengan khalayak tentang karya mereka iaitu bermula dari pencarian idea, konsep dan proses pembuatan karya seramik.

Menurut Encik Shamsu, "Selain daripada mengetengahkan idea kreatif, penerokaan motif tempatan yang kaya dengan budaya, keupayaan pelajar dalam aspek pengurusan pameran turut dikaji. Rata-rata pelajar yang menyertai pameran men-

yatakan rasa bertuah kerana berpeluang mempamerkan produk kepada khalayak umum. Disebabkan keunikkan karya tersebut, membuat pelancong asing tertarik untuk membelinya, namun karya tersebut sekadar untuk bahan pameran dan penilaian kursus sahaja."

Menurut beliau lagi, para pelajar perlu diberi pendedahan melalui pameran seperti ini kerana ia dapat memberi motivasi dan pendorong kepada mereka dalam menghasilkan karya kontemporari yang lebih kreatif dan unik.

Beliau turut berterima kasih kepada pihak pengurusan Tebingan Kuching yang telah memberi ruang pameran secara percuma kepada pelajar-pelajar untuk mengadakan pameran Epigoni 7.



*Motif Buah Pedada,  
hasil karya Mahdi bin Bujang.*



*Motif Burung Kenyalang,  
hasil karya Jackson Anak Seliman.*



*Motif Pusing/Gasing,  
hasil karya Saini Abit.*

# JOMELAH... perjuangan wanita menuntut kemerdekaan



# CIPTA' 04... local content, universal perspective



# Unimas awarded MSC status



Vice Chancellor, Professor Datuk Yusuf Hadi received the MSC certificate from Dr. Yew Kok Meng

- Facilitation services provided by the Multimedia Development Corporation (MDC)
- And the eligibility for MSC R & D grants.

The official ceremony for the handing over of the award was performed on the 11th February 2004 by Dr Yew Kok Meng, Head of Higher Education Client Services Unit, MDC in the presence of Deputy Chief Minister Tan Sri Datuk Amar Dr George Chan Hong Nam.

The MSC status has been awarded to the following programmes of the Faculty of Computer Science and Information Technology.

- Bachelor of Computer Science (Multimedia Computing)
- Bachelor of Computer Science (Network Computing)
- Bachelor of Computer Science (Software Engineering)
- Bachelor of Computer Science (Information Systems)
- Bachelor of Computer Science (Computational Science) and
- Master in Advanced Information Technology (Coursework Programme)

On the 17 November 2003, Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) received the Multimedia Super Corridor (MSC) Status Certificate. The award is based on the recognition that public sector institutions such as Unimas are strategic in developing human resources for the MSC. The award is symbolic and meaningful to Unimas as recognition for its ability to provide education and training for knowledge workers in Malaysia. This recognition has

come at an appropriate time when Unimas to cap the Decade of Excellence celebrations.

The MSC award offers a number of incentives, which includes:

- Unrestricted employment of foreign workers.
- Pioneer status for five years as well as exemption on duties on the importation of multimedia equipment.
- Intellectual assets protection through intellectual property laws and cyber laws.

## Promosi melalui air minuman



Idea untuk menyediakan air minuman berbotol yang boleh memberikan maklumat mengenai Unimas adalah antara usaha untuk

mempromosikan Unimas di kalangan masyarakat terutamanya pelajar-pelajar sekolah. Air minuman dipilih kerana air merupakan keperluan utama dalam hidup. Untuk tujuan ini label yang berkonsepkan kampus Unimas menjadi perantara media promosi itu disamping bentuk botol yang menarik. Botol direka sedemikian rupa untuk memudahkannya dibawa dan menghadang cahaya matahari yang boleh menjejaskan kandungan air di dalam botol itu.

Menurut Encik Henry Tening, Penolong Pendaftar Perhubungan Awam dan Antarabangsa, pelajar sekolah merupakan sasaran utama dengan harapan apabila mereka

minum dan membawa botol minuman tersebut ke merata tempat akan mendorong mereka untuk memasuki universiti.

Tambahnya lagi, selain daripada itu, setiap majlis rasmi universiti akan menggunakan air minuman tersebut sebagai usaha tambahan mempromosikan Unimas di mata masyarakat.

Air minuman beralkali ini telah diedarkan sejak Februari yang lalu. Peniaga yang berminat untuk menjual air minuman ini boleh berhubung terus dengan pengeluar air minuman beralkali ini iaitu *NRA Alkaline Ionic Water Sdn. Bhd.* ataupun berhubung dengan pihak Koperasi Unimas. Air ini dijual pada harga RM1.50 sebotol untuk 500ml.

# Aneka Peristiwa

## 13 Januari 2004

Tahniah atas kenaikan pangkat bagi pegawai-pegawai berikut:

### Profesor Gred Khas B (VK6):

- Prof Sulaiman Hanapi (TNC HEP)
- Prof Abdul Rashid Abdullah (TNC A)
- Prof Khairuddin Ab Hamid (TNC P)

### Profesor Gred Khas C (VK7)

- Prof Madya Dr Hamsawi Sani

### Profesor Madya

- Dr Mustafa Abdul Rahman (FSTS)
- Dr Mohd Tajuddin Abdullah (FSTS)
- Dr Daphne Hew Cheng Sim (FSS)
- Dr Ng Chee Khoon (FK)

## 15 Januari 2004

Pihak Pengurusan Unimas telah melantik semula pegawai-pegawai berikut bagi tempoh dua tahun:

- Prof Dr Syed Hassan S. Ahmad Almashoor - Dekan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan berkuatkuasa pada 1 Februari 2004.
- Prof Madya Dr Shazali Abu Mansur - Dekan, Fakulti Ekonomi dan Perniagaan berkuatkuasa pada 19 Januari 2004.
- Prof Madya Dr Rujhan Mustafa - Timbalan Dekan (Pascasiswazah dan Penyelidikan) Fakulti Ekonomi dan Perniagaan berkuatkuasa pada 1 Februari 2004.

Tahniah atas pelantikan.

## 29 Januari 2004

Pusat Pengajian Siswazah dan Unit Pengurusan Penyelidikan telah memulakan operasi di bangunan baru bersebelahan dengan Bangunan Canselori.

## 1 Februari 2004

Berkuatkuasa pada 1 Februari 2004, Prof Datin Dr Napsiah Mahfoz telah dilantik sebagai Dekan, Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia manakala Dr Rusli Ahmad pula dilantik sebagai Timbalan Dekan (Prasiswazah dan Pemajuan Pelajar) bagi fakulti yang sama.

## 11 Februari 2004

Fakulti Sains Komputer dan Teknologi

Maklumat dengan kerjasama MNCC (*Malaysian National Computer Federation*) dan Unit ICT Kerajaan Negeri Sarawak telah menganjurkan satu seminar dan bengkel bertajuk "*OSS101 Open Source Appreciation*". Program tersebut telah berlangsung selama dua hari dari 11 hingga 12 Februari di bilik Belian, Unimas. Yuran penyertaan sebanyak RM100.00 telah dikenakan kepada peserta.



*Datuk Amar Haji Bujang Bin Mohamad Nor menunjukkan sesuatu kepada Tan Sri Datuk Amar Dr. George Chan Hong Nam di majlis perasmian seminar dan bengkel "OSS101 Open Source Appreciation."*

## 24 Februari 2004

Fakulti Ekonomi dan Perniagaan dengan kerjasama Pusat Pemajuan Pelajar telah mengadakan Ceramah Motivasi di Dewan Kuliah 1. Ceramah telah disampaikan oleh Puan Raja Yasmin Mazhatul Suraya dari FEB Unimas dan Prof Madya Shaharuddin Badaruddin dari UiTM Kota Samarahan. Ceramah tersebut terbuka kepada staf dan pelajar Unimas.

## 26 Februari 2004

Pusat Pemajuan Pelajar telah menganjurkan Bicara Tokoh bertajuk "Malaysia Boleh: Cabaran dan Pengalaman Berbasikal Mengelilingi Dunia". Ceramah disampaikan oleh YBhg Dato' Hasan Nawawi di Dewan Kuliah 2.

## 28 Februari 2004

Alumni Unimas sedang dalam usaha mengumpul data dan ahli untuk menjalankan aktiviti. Dalam perancangan awal, Jawatankuasa Protem Alumni Unimas bercadang untuk melancarkan

Alumni Unimas semasa Perasmian Hari Terbuka Konvo 2004. Sehubungan itu, semua bekas pelajar Unimas yang telah bekerja di Unimas disaran untuk mendaftar sebagai ahli secara *online* di laman web Unimas. Ahli yang berdaftar akan diberi kad ahli.

## 28 Februari 2004

Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan telah mengadakan seminar bertajuk "*Fertility Awareness & the Billings Ovulation Method (BOM) of Natural Family Planning*" di Tingkat 4, FPSK, Lot 77. Seminar tersebut dikendalikan oleh Encik Chan Lek Lim, Presiden, *Natural Family Planning Service of Malaysia*.

## 8 Mac 2004

Pihak Pengurusan Unimas telah melantik pegawai-pegawai berikut untuk tempoh dua tahun:

- Dr Khairul Aidil Azlin Abd Rahman- Ketua Program Teknikal Seni Reka di FSGK berkuatkuasa pada 1 Mac 2004.
- Encik Shamsu Mohamad- Ketua Program Seni Halus dan Pengurusan Seni di FSGK berkuatkuasa pada 1 Mac 2004.
- Encik Mohd Hafiz Askiak- Ketua Program Muzik, Drama, Teater dan Sinematografi di FSGK berkuatkuasa pada 1 Mac 2004.

# Ceramah merancang kewangan

Pusat Pemajuan Pelajar dengan kerjasama BSKL (Cawangan Balai Maklumat BSKL Kuching) telah menganjurkan satu program Ceramah Motivasi yang bertajuk "Perancangan Kewangan Untuk Pelajar". Ceramah tersebut diadakan pada 14 Februari 2004 di Dewan Kuliah 5. Ceramah disampaikan oleh Nooralim Mohd Yunus,

Pengurus Pusat Maklumat Awam BSKL BHD. Majlis ini dihadiri oleh Dekan Pusat Pemajuan Pelajar (PPP), Prof Madya Mohd Fadzil Abdul Rahman, Timbalan Dekan PPP, Dr. Othman Bojo, Timbalan Dekan Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, staf dan pelajar Unimas. Ceramah ini memberikan maklumat kepada pelajar mengenai

asas-asas perancangan kewangan pelajar dan memupuk minat serta mendedahkan kepada mereka mengenai asas pelaburan dan kemudahan sumber maklumat di BSKL. Ia merangkumi segala aspek perbelanjaan dan penyimpanan wang pelajar dan segala jenis pelaburan yang boleh diceburi oleh pelajar pada masa depan.



## Peluang kerjaya dan pelaburan



Pusat Pemajuan Pelajar (PPP) dengan kerjasama Public Mutual Cawangan Kuching telah mengadakan satu Ceramah Motivasi bertajuk "Peluang Kerjaya dan Pelaburan" pada 19 Februari di Bilik Teater Multimedia Unimas. Ceramah tersebut disampaikan oleh Encik Jamal Haji No dari Public Mutual. Ceramah ini telah dihadiri oleh Timbalan Dekan PPP, Dr Othman Bojo, Kaunselor Unimas, Haji Sa'adin Sulaiman, Saptuyah Barahim dan staf serta pelajar Unimas. Jamal Haji No menerangkan peluang kerjaya yang menanti para pelajar selepas tamat pengajian nanti. Mereka tidak semestinya bekerja di syarikat atau jabatan kerajaan sahaja. Seseorang individu juga boleh memperoleh sumber kewangan mereka sendiri dengan menceburi bidang kewangan seperti unit amanah dengan memberikan contoh kejayaan-kejayaan individu yang telah menceburkan diri dalam bidang ini.

## Bekas pelajar adakan 'Hi Tea' Alumni

Pada 17 Mac 2004, Persatuan Alumni Unimas telah mengadakan Majlis 'Hi Tea' Alumni Unimas di Bilik Belian. Majlis yang julung kali diadakan ini bertujuan untuk meraikan seramai 34 orang bekas pelajar yang bekerja di Unimas atau yang sedang melanjutkan pelajaran di Unimas. Majlis ini diserikan dengan kehadiran Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, Bendahari, Pendaftar dan Dekan Pusat Pemajuan Pelajar selaku Penasihat Persatuan Alumni Unimas.

Dalam majlis tersebut, presiden persatuan Alumni Unimas, Abdul Halim bin Busari telah memberi penerangan ringkas berhubung Alumni serta aktiviti yang telah dirancang oleh Jawatankuasa Kerja Alumni Unimas. Aktiviti-aktiviti yang dirancang adalah seperti pendaftaran ahli, majlis perasmian

Alumni Unimas, Majlis Makan Malam Graduan, Hari Kerjaya serta banyak lagi. Naib Canselor turut memberikan amanat beliau yang antaranya menyeru semua bekas pelajar berusaha lebih gigih demi untuk memajukan dan menjayakan semua aktiviti Alumni Unimas. Beliau juga berterima kasih kepada Pusat Pemajuan Pelajar kerana dapat menjadi pusat aktiviti Alumni. Beliau berharap Alumni Unimas akan terus aktif dan dapat menubuhkan Pusat Perhubungan Alumni untuk menjayakan segala aktiviti Alumni. Pusat ini juga akan menjadi pusat pentadbiran dan penggerak kepada Alumni. Beliau juga mencadangkan agar laman web dapat diwujudkan supaya dapat menyebarkan maklumat berhubung dengan aktiviti Alumni Unimas kepada masyarakat luar.

## Pertandingan Reka bentuk Kerusi Canselor, Rostrum dan Meja Cokmar Unimas 2004



Unimas akan menganjurkan Pertandingan Reka bentuk Kerusi Canselor, Rostrum dan Meja Cokmar Unimas 2004. Pertandingan ini terbuka kepada orang ramai termasuk pelajar IPTA dan IPTS. Tempoh pertandingan bermula dari 15 Mac 2004 hingga 15 Mei 2004.

Pertandingan ini diadakan sebagai salah satu usaha Unimas untuk mencungkil bakat dan daya kreativiti di kalangan pereka-pereka tempatan dalam menghasilkan reka bentuk yang bermutu tinggi dan mempunyai nilai-nilai dan identiti yang tersendiri.

Pertandingan Reka bentuk Kerusi Canselor, Rostrum dan Meja Cokmar Unimas 2004 ini boleh disertai secara individu atau berkelompokan.

Pemenang pertama akan menerima RM5,000 dan sijil penyertaan dan empat hadiah sugu hati akan menerima RM1,000 dan sijil penyertaan.

Selain itu setiap penyertaan yang lengkap akan menerima sijil penyertaan.

Setiap penyertaan haruslah menggunakan borang rasmi melalui laman web [www.unimas.my](http://www.unimas.my) atau melalui urus setia pertandingan. Syarat-syarat pertandingan juga boleh didapati di laman web yang sama.

Pertanyaan dan maklumat lanjut sila hubungi Encik Henry Tening, Puan Noorma Ismail dan Cik Saptuyah Hj Mahmud di talian 082-671000 samb. 156/518/153.

## Pemilihan ahli sukan ke Sukan Staf IPTA

Sebagai persediaan menghadapi Sukan Staf yang akan diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 18 hingga 24 April 2003, Unimas telah membuat pemilihan melalui mini pertandingan untuk acara baling dan ujian kecergasan untuk acara bola sepak, bola tampar dan bola sepak veteran. Bagi acara bola sepak, pemain telah menjalani ujian kecergasan iaitu 10 minit setengah atau 2400 meter untuk dua kali bagi melayakkan diri menyertai pasukan bola sepak universiti. Bagi acara bola tampar pemilihan adalah berdasarkan prestasi pemain tahun lepas dan juga ujian kecergasan. Ujian kecergasan masa telah diadakan pada 28 Februari hingga 7 Mac 2004 di Mini Stadium Samarahan dan Stadium

Maktab Perguruan Tun Abdul Razak. Pemilihan sebegini bertujuan untuk memastikan kecergasan dan persediaan rapi setiap peserta mencapai tahap optimum yang telah ditetapkan oleh universiti bagi memastikan kejayaan dapat diperolehi. Selamat berjuang kepada peserta Unimas yang telah melayakkan diri dalam acara masing-masing.



Pemilihan ahli pasukan bola sepak sedang berlangsung.

## Pantun Tauladan

*Pisang dibeli dibuat pengat  
Kuahnya manis sangatlah pekat  
Buat kerja penuh bersemangat  
Kerja yang amanah mendapat berkat*

*Goreng ayam bersama halia  
Dibuat jamuan di hari raya  
Hati yang baik, budi yang mulia  
Wajah berseri penuh bercahaya*

*Kain batik berwarna-warni  
Dipakai cantik oleh Cik Siti  
Bekerja bersama dalam harmoni  
Organisasi gemilang tambah produktiviti*

*Mencari buluh dibuat raga  
Raganya cantik dipandang mata  
Bekerja bersama umpama keluarga  
Jauhkan dari segala sengketa*

*Hati-hati bila berjalan  
Onak dan duri susah dikesan  
Hormat menghormati jadikan amalan  
Berkasih sayang sesama insan*

*Noorma Ismail @ Yusoff (NIY)  
Canselori, Mac 2004*

# Aktiviti Sukan

## Ekspedisi berkayak

Ekspedisi berkayak telah dianjurkan oleh Unit Sukan dengan kerjasama Kelab Kayak Pelajar pada 10 Januari yang lalu. Acara ini melibatkan staf dan ahli Kelab Kayak. Ekspedisi ini diadakan di Bau bermula dari Jambatan Babir ke Gua Angin. Memandangkan keadaan cuaca yang begitu panas dan air sungai yang kering maka ekspedisi tersebut berhenti di Pekan Krokong, Bau.



## Pertandingan Boling

### Berpasukan Tertutup Unimas

Sebanyak 19 pasukan telah mengambil bahagian dalam Pertandingan Boling Berpasangan Tertutup Unimas 2004 anjuran bersama Unit Sukan dan Kelab Boling Unimas. Pertandingan itu telah diadakan pada 14 Mac 2004 di Crystal Bowl, BDC Stampin. Acara tersebut bertujuan untuk memupuk minat lebih ramai warga Unimas melibatkan diri dalam sukan ini disamping mencungkil bakat-bakat baru.

Pemain telah bermain sebanyak enam permainan dan jumlah jatuhan pin menjadi penentu kedudukan pasukan yang bertanding. Pasangan

Zambari dan Zolkefli telah menjadi juara dengan 2050 jatuhan pin, pasangan Dr. Rosziati dan Wan Abu Bakar di tempat kedua dengan 1989 jatuhan pin dan pasangan Dr. Azhar dan Wagiman Kassim di tempat ketiga dengan jatuhan 1948 pin. *High games* dan *high series* wanita telah dibolot oleh Surina Zainuddin dengan 185 dan 962 jatuhan pin. Manakala *high games* lelaki dimiliki oleh Zolkefli dengan 220 jatuhan pin dan *high series* pula dirangkul oleh Hj. Affendi Othman dengan 1100 jatuhan pin. Hadiah telah disampaikan oleh Prof Hamsawi Sani selaku Presiden Kelab Boling Unimas dalam satu majlis ringkas.

## Karnival Sukan

Karnival sukan antara fakulti 2004 berlangsung selama sebulan mulai 10 Januari hingga 7 Februari 2004. Sebanyak lapan acara dipertandingkan. Semua fakulti telah mengambil bahagian secara aktif dan keputusan akhir adalah seperti berikut:-

Acara	Johan	Kedua	Ketiga	Keempat
Bola Sepak 7 sebelah	FIT	FSS	FEB	FK
Bola Tampar Lelaki	FK	FK	FSS	FSTS
Ping Pong Lelaki Perseorangan	Michael Liew (FK)	Lee Chang Fong (FK)	Chia Fuk Jing (FK)	
Bergu	Sia Pik Soon/ Chia Fuk Jing (FK)	Bong Yung Foo Michael Liew (FK)	Lee Chin How/ Peter Wong (FK)	
Ping Pong Wanita Perseorangan	Kho Hui Kiang (FK)	Chai Boon Mei (FK)	Anna Hu Tsing Tsing (FSKPM)	
Bergu campuran	Bong Yong Foo/ Kho Hui Kiang (FK)	Sia Pik Soon/ Chai Boon Mei (FK)	Foo Siong Wan/Woon Yea Wen (FK)	
Badminton Lelaki Perseorangan	Wong Tzy Wen (FSKTM)	Liew Yen Zion (FSTS)	FSGK	FSKTM
Bergu	Adrian Ng/ Michael (FPSK)	Mohd. Ramli/ Mohd. Radman (FSKPM)	Chiung Yew Ing/ Wong Tzy Wei (FSKTM)	Mohd. Fauzi/Faizal Adnan (FSGK)
Badminton Wanita Perseorangan	Bong Nyat Nee (FEB)	Law Mee Ping (FSS)	Lydia Aling (FK)	
Bergu campuran	Liew Yew Zion /Ma Jok Eng (FSTS)	Mohd. Redza/ Kasmawite (FK)	Low Seng Hoi/Lio Soon Shak. (FEB)	Ling San San/Allen Lan (FSS)
Bola Keranjang Lelaki	FK	FSKPM	FSS	FEB
Bola Keranjang Wanita	FSKPM	FSKTM		
Bola Jaring	FSTS I	FSTS ROTU	FSTS 2	FSGK
Sepak Takraw	FSS (B)	FSGK	FSS(A)	FSKPM
Skuasy	Lee Hsuen Pin (FK)	Ling Ming Yew (FK)	Matus Juanis (FK)	Javed Anjum Sheikh (FSKTM)

Bagi acara bola sepak, Paul Rin Ondahal dari FSS telah dipilih menjadi pemain terbaik dan penjarang terbanyak digondol oleh Clemont Nubun dari Fakulti Kejuruteraan. Juara bagi Karnival Sukan antara fakulti 2004 dimenangi oleh Fakulti Kejuruteraan.

ISSN 1675-2651



9 771675 265001